



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

BILANGAN TAWARAN	TAJUK TAWARAN	YURAN TAWARAN
JDT/UTS/HK-80/2026/10	PAINTING WORKS OF DEWAN UTAMA KOMPLEKS DEWAN KEMASYARAKATAN TUTONG	\$5.00

**SYARAT-SYARAT TAWARAN:**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. TAWARAN tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga, Tingkat 4, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dan dikembalikan tidak lewat pada **HARI ISNIN, 11 MEI 2026 jam 2.00 PETANG**.
3. TAWARAN hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup (sealed) yang bertulis **bilangan dan tajuk tawaran** berkenaan dan **tarikh tutup tawaran** tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUTHARGA  
JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
TUTONG TA1141  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Pemborong hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
5. Pemborong mestilah menyertakan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17, Sijil-Sijil Pendaftaran Kelas Kategori dari Kementerian Pembangunan, Lesen Rampaian (jika berkenaan), Sijil Pematuhan Akta Cukai daripada Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi Senarai Pemilik, Kad Pengenalan pemilik syarikat bagi Warganegara Brunei dan/ atau passport Warganegara Asing, Pengesahan pematuhan Akta Amanah Pekerja dan Perintah Pencen Caruman Tambahan 2009 dari Tabung Amanah Pekerja dengan menyatakan nombor Akaun Majikan dan senarai pekerja yang dicarumkan, Pengetahuan/ Pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.
6. Mengisi Borang Pengakuan Penender/ Tenderer's Declaration dengan LENGKAP.
7. Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran **Online Yuran Tawaran (Document Fee)** berjumlah **\$5.00 (tidak dikembalikan/ non-refundable)** dibuat di **Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tutong TA1141, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu:

ISNIN HINGGA KHAMIS	8.00 Pagi hingga 12 Tengahari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
SABTU	8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang (Bagi Pembayaran Online)

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
10. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.